

02/11/2003

'Pelantikan bukan untuk bermegah, tetapi amanah'

Norbakti Alias; Saufi Hamzah; Mohd Anwar Patho Rohman

BUTTERWORTH: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menjelaskan pelantikannya sebagai Perdana Menteri bukan kebesaran untuk dirinya atau keluarga.

Sebaliknya, beliau berkata, pelantikan itu ialah satu tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya untuk menjalankan tugas dengan baik demi masa depan negara.

Sehubungan itu, Abdullah meminta semua pihak memberikan kerjasama sambil mendoakan dirinya dapat menjalankan tugas dengan berkesan.

"Saya mohon kerjasama tuan-tuan mendoakan saya sentiasa sihat dan diberi petunjuk sepanjang masa untuk memberi kebaikan kepada semua kaum," katanya pada majlis sambutan kepulangan beliau di pekarangan Pusat Khidmat Parlimen Kepala Batas, di sini petang semalam.

Turut hadir isteri Abdullah, Datin Seri Endon Mahmood, Ketua Menteri, Tan Sri Dr Koh Tsu Koon, timbalannya, Datuk Dr Hilmi Yahaya dan pengerusi jawatankuasa sambutan yang juga Speaker Dewan Undangan Negeri, Datuk Yahaya Abdul Hamid.

Kira-kira 10,000 orang menyambut ketibaan beliau yang pulang buat kali pertama selepas memegang jawatan Perdana Menteri, Jumaat lalu.

Walaupun hujan pada penghujung ucapannya, orang ramai tetap tidak berganjak untuk terus mendengar.

Abdullah juga berjanji untuk terus membangunkan Kepala Batas kerana beranggapan tempat itu menjadi titik permulaan karier politiknya.

"Saya terharu dan sedar bahawa karier politik saya bermula di sini (Kepala Batas) kerana mendapat sokongan kuat penduduk di sini hingga dapat terus meningkat.

"Walaupun melalui zaman kesusahan dalam politik, ahli daripada semua parti komponen tetap menyokong hingga saya dapat kembali semula, kuat dan terus berada di bawah pimpinan (Tun) Dr Mahathir (Mohamad)," katanya.

Abdullah juga percaya sokongan yang diterimanya bukan kerana beliau adalah anak Allahyarham Datuk Ahmad Badawi atau cucu Allahyarham Abdullah Fahim tetapi kerana sayang kepada perjuangan parti supaya mencapai kejayaan.

"Kehadiran rakan parti komponen dalam BN (Barisan Nasional) memberi sokongan yang baik, mudah-mudahan sokongan ini berkekalan dan terus mewujudkan kerjasama erat agar rakyat terus bersatu padu," katanya.

Abdullah kemudiannya tiba di rumahnya untuk mencium tangan ibunya, Datuk Kailan Hassan dan bertanya khabar sebelum berbuka puasa bersama ahli keluarganya.

Antara juadah istimewa yang dinikmati Perdana Menteri ialah nasi ulam, kuih seri muka, rendang ketam serta bubur.